

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2010/2011**

**NAMA KURSUS : UNDANG-UNDANG HARTA
TANAH I**

KOD KURSUS : BPE 12603

PROGRAM : 1 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL / MEI 2011

JANGKAMASA : 3 JAM

**ARAHAN : JAWAH EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA.**

SULIT

- S1 Seksyen 135 Akta Kontrak 1950 menyatakan bahawa “orang yang di ambil bekerja untuk membuat sesuatu bagi pihak orang lain atau mewakili orang lain dalam urusan dengan pihak ketiga adalah seorang ejen”. Seperti kontrak-kontrak yang lain, kontrak agensi boleh dibuat samada secara nyata atau tersirat. Sesuatu balasan tidak perlu ada bagi pembentukan sesuatu ejensi.

Huraikan secara terperinci “pembentukan ejensi secara kecemasan” atau ejensi darurat, sebagaimana yang di peruntukkan di dalam Seksyen 142 Akta Kontrak 1950. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang telah di putuskan.

(25 markah)

- S2 Menurut Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950, sesuatu perjanjian yang boleh di kuatkuasakan oleh undang-undang adalah kontrak. Jesteru apabila obligasi kontraktual pihak-pihak yang berkontrak telah selesai di laksanakan, maka undang-undang menganggap ia sebagai suatu pelepasan kontrak. Maka apabila obligasi yang wujud di bawah sesuatu kontrak itu di lepaskan, hak dan tanggungjawab tiada lagi wujud. Terdapat beberapa cara bagaimana kontrak boleh dilepaskan.

Huraikan secara terperinci pelepasan kontrak yang di sebabkan oleh kekecewaan. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada seksyen-seksyen akta yang relevan dan kes-kes mahkamah yang telah di putuskan.

(25 markah)

- S3 Hakim Herschell dalam kes *Derry lwn Peek (1889) 14 App Cas 337* memutuskan bahawa tipuan atau “fraud” di bukti apabila di tunjukkan “bahawa representasi palsu telah dibuat dengan mengetahuinya atau tanpa mempercayai kebenarannya atau secara melulu, iaitu lalai, samaada ia benar atau palsu”. Manakala Seksyen 17 Akta Kontrak 1950 menghuraikan lima (5) jenis perbuatan yang boleh di sifatkan sebagai tipuan.

Berdasarkan kepada *ratio decidendi* hakim tersebut, huraikan lima (5) jenis perbuatan seperti yang dinyatakan didalam Seksyen 17 daripada Akta tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada seksyen-seksyen yang relevan dan kes-kes mahkamah yang telah di putuskan.

(25 markah)

- S4 Seseorang prinsipal bertanggungjawab dan terikat terhadap tindakan yang dibuat oleh ejennya, selagi tindakan ejen itu adalah *intra-vires*. Walaubagaimanapun, seseorang prinsipal boleh di pertanggungjawabkan dengan tindakan ejen yang melakukan sesuatu tindakan yang *ultra-vires*, seandainya prinsipal meratifikasikan atau memberi pengesahan terhadap tindakan tersebut. Oleh itu, undang-undang mengiktirafkan dua (2) jenis kategori kuasa yang di beri kepada seseorang ejen untuk mewakili prinsipalnya yang menyebabkan prinsipal itu bertanggungjawab dan terikat dengan tindakan ejen tersebut.

Huraikan kategori-kategori kuasa seseorang ejen tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada seksyen-seksyen yang relevan dan kes-kes mahkamah yang telah di putuskan.

(25 markah)

- S5 *Res ipsa loquitur* bermaksud “fakta-fakta menyatakan dengan sendirinya”. Di sisi undang-undang, istilah tersebut bermaksud bahawa fakta kejadian itu dengan sendirinya mencukupi, dengan tidak perlu penjelasan dari pihak defendan, untuk memutuskan bahawa besar kemungkinan defendan telah cuai dan bahawa kecuaiannya menyebabkan kecederaan plaintiff.

Huraikan pernyataan diatas. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada kes-kes mahkamah yang telah di putuskan.

(25 markah)

- S6 (a) Nyatakan faktor-faktor yang membezakan prinsip balasan yang terdapat dalam Akta Kontrak 1950 dengan undang-undang Inggeris. (7 markah)
- (b) Huraikan fakta dan keputusan mahkamah di dalam kes-kes berikut:-
- (i) Kepong Prospecting Ltd & SL lwn. Schmidt (1968) 1MLJ 170 (9 markah)
- (ii) Carlill lwn. Carbolic Smoke Ball & Co. (1893) 1QB 256 (9 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT